

— Perpustakaan
JAS JF 8/3/03

UCAPAN PERASMIAN

OLEH

**YAB MENTERI BESAR JOHOR
DI MAJLIS PELANCARAN MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA
PERINGKAT KEBANGSAAN**

**DI TAMAN REKREASI GUNUNG LAMBAK, KLUANG, JOHOR
PADA 21 OKTOBER 2003.**

YB Datuk Law Hieng Ding,
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

YB Dato' Zainal bin Dahlan,
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

YB Dato' Dr Chua Soi Lek
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar
Negeri Johor

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor

YB Dato' Haji Mohd. Razali bin Mahusin
Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

YB Dato' Leong Ah Hin
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Y.Bhg. Puan Hajjah Rosnani bt Ibarahim,
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan salam sejahtera.

Segala puji bagi Allah s.w.t. yang telah melimpah kurniaNya agar kita dapat bersama-sama berhimpun dalam majlis pada pagi ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, khususnya YB Datuk Law Heng Ding yang sudi memilih Johor untuk melancarkan Minggu Alam Sekitar Malaysia Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2003. Saya juga berbesar hati kerana dijemput untuk merasmikan majlis pada pagi ini.

Kita semua sedar bahawa pembangunan pada masa-masa lampau telah banyak menimbulkan masalah alam sekitar seperti pencemaran dan kemusnahan alam Sekitar. Akibatnya, kita sendiri dapat menyaksikan betapa banyaknya sungai-sungai yang telah tercemar, siri-siri kejadian tanah runtuh, banjir kilat dan kawasan hutan yang menjadi gondol. Sumber air di sesetengah tempat tidak lagi selamat untuk dijadikan bekalan air minum, tidak sesuai untuk pengairan pertanian, mandi-manda, tujuan rekreasi dan sebagainya. Semua ini terjadi akibat perbuatan kita sendiri mungkin kita dahulu terlalu ghairah dengan pembangunan semata-mata dan kita telah abaikan kepentingan menjaga alam Sekitar.

Kita semua sekarang harus sedar dan perlu mengubah sikap dan pendekatan ketika melaksanakan program pembangunan bagi masa

terdekat ini dan juga pada masa-masa hadapan supaya bumi yang dianugerahkan oleh Tuhan ini dapat terus dijadikan tempat hidup yang selamat dan selesa untuk kita dan generasi-generasi kita yang akan datang.

Dalam hubungan ini, adalah menjadi hasrat kerajaan negeri Johor untuk menjadikan negeri ini sebuah negeri yang bersifat 'Lestari' di mana setiap program atau projek pembangunan yang hendak dilaksanakan perlu mengambil kira faktor-faktor alam Sekitar, bukan semata-mata pembangunan fizikal.

Usaha-usaha ke arah ini telah diambil oleh kerajaan negeri Johor dengan menetapkan setiap program atau projek pembangunan perlu mengambil kira input-input alam Sekitar, bermula di peringkat perancangan lagi. Perkara ini telah dan sedang diamalkan oleh Kerajaan Negeri dalam penyediaan pelan struktur pembangunan bandar dan daerah, pelan struktur pembangunan negeri, pembinaan kawasan perindustrian, komersial dan juga perumahan.

Y Berbahgia Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati Sekalian,

Sesuai dengan tema sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia peringkat kebangsaan pada tahun 2003 iaitu " Alam Sekitar Bersih Untuk Kehidupan Sejahtera", Negeri Johor akan terus komited untuk memelihara sumber air, udara dan tanah supaya tidak terus dicemari

atau dirosakkan bagi menjamin rakyat akan terus hidup dalam suasana alam yang sihat dan sejahtera.

Alhamdulillah, Kualiti alam Sekitar di Negeri Johor, khususnya, berada pada tahap yang amat memuaskan. Kualiti air kebanyakan sungai di negeri ini pada keseluruhannya, berada pada tahap bersih dan sederhana.

Saya telah dimaklumkan bahawa Kerajaan pusat telah mengenalpasti 26 batang sungai yang tercemar di seluruh Malaysia, dan kajian untuk memulihkan sebahagian sungai-sungai ini telahpun selesai. Kajian yang telah dijalankan itu termasuklah tiga batang sungai di negeri Johor iaitu Sungai Segget, Sungai Tebrau dan Sungai Skudai. Pelaksanaan syor-syor hasil kajian tersebut akan dilaksanakan sebahagiannya dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan dan sebahagian yang lain dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan. Program pemulihan sungai ini juga adalah selari dengan pelaksanaan projek-projek yang sedang rancak dijalankan di Johor Bahru umpamanya Projek Gerbang Selatan dan Projek Danga Bay.

Kerajaan Negeri Johor akan memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada pihak Kementerian dalam pelaksanaan kerja-kerja pemulihan sungai ini terutamanya dalam penyediaan sistem rawatan air kumbahan berpusat bagi bandaraya Johor Bahru. Setakat ini pakej-pakej yang berkaitan dengan pelaksanaan projek tersebut telah dikenalpasti. Saya difahamkan rundingan sedang

dijalankan untuk mendapatkan biaya projek yang dijangka menelan belanja lebih RM700 juta. Projek pemulihan sungai ini sememangnya dialu-alukan dan ianya dijangka dapat membantu meningkatkan lagi imej dan kebersihan di sekitar bandaraya Johor Bahru.

Manakala kualiti udara di Negeri Johor, di sepanjang masa, berada di tahap 'baik' dan hanya kadangkala berada di tahap 'sederhana'.

Kerajaan Negeri Johor akan terus memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada pihak Kementerian bagi melaksanakan Pelan Tindakan Jerebu bagi membendung pencemaran udara serta terus mengekalkan kualiti udara yang baik. Begitu juga terhadap Pelan Tindakan Pembersihan Pantai bagi menangani kejadian tumpahan minyak.

Nasihat teknikal dan kepakaran dari Kementerian dalam bidang-bidang ini sentiasa dialu-alukan dari semasa ke semasa agar pelan-pelan tindakan ini dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Dari aspek pengindahan dan penghijauan bumi, Negeri Johor adalah negeri terbanyak menanam pokok berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Negeri ini telah berjaya mendapat Anugerah Lanskap Negara dan banyak menggondol hadiah-hadiah utama dalam Pertandingan Lanskap Negara. Kerajaan Johor berhasrat untuk terus unggul dalam usaha ini pada masa-masa hadapan.

Aspek pengurusan sumber biologi dan biodiversiti yang berkesan telah dijadikan agenda penting oleh Kerajaan Negeri. Untuk ini, Kerajaan telahpun menubuhkan Majlis Tindakan Biodiversiti dan Bioteknologi di peringkat negeri. Saya berharap pihak Kementerian dapat membantu kita dalam soal pemberian geran dan kepakaran untuk memacu dan mempertingkatkan lagi penyertaan semua pihak dalam bidang ini.

Dalam usaha melindungi hutan paya bakau dari pencemaran dan kemusnahan, Kerajaan Negeri telah bersetuju bahawa kawasan Tg. Piah, Sungai Pulai dan Pulau Kukup yang berjumlah 1,030 hektar dijadikan tapak RAMSAR. Ketiga-tiga kawasan ini kelak akan termasuk dalam senarai dunia bagi tapak RAMSAR dan dijangka akan menjadi tumpuan pelancong dan penyelidik dari seluruh dunia.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk melaksanakan program “bandaraya sejahtera” dan “bandar industri dalam taman”. Hasrat ini juga dapat melengkapi program untuk mewujudkan “bandar lestari”, “desa lestari” dan “sekolah lestari” yang akan diadakan bersama dengan kerajaan persekutuan tidak lama lagi.

Saya berdoa usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk melancarkan Minggu Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan ini akan mencapai matlamatnya. Saya juga berharap semua pihak terutamanya generasi muda supaya turut menggandakan usaha ke arah memelihara dan memulihara alam sekitar demi nusa, bangsa dan bumi tercinta.

Dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya dengan ini merasmikan minggu alam Sekitar Peringkat Kebangsaan.

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.